# PERMOHONAN MEMAJAK TANAH PERSENDIRIAN

**CARA MENDAPATKAN BORANG PERMOHONAN**

**DOKUMEN – DOKUMEN YANG DIPERLUKAN**

**TATACARA PERMOHONAN**

**TEMPAT MENGHADAPKAN BORANG PERMOHONAN**

**SOALAN – SOALAN LAZIM (*FAQS*)**

# PERMOHONAN MEMAJAK TANAH PERSENDIRIAN

## CARA MENDAPATKAN BORANG PERMOHONAN

### DIBELI DI KAUNTER PEMBAYARAN

ATAU

### DIMUAT TURUN SECARA PERCUMA





- Harga borang adalah **BND $1.00 / set**
- Borang boleh dibeli di mana-mana cawangan Pejabat Tanah Daerah:

| Daerah | Tempat |
|---|---|
| Brunei dan Muara | Tingkat 1, Jabatan Tanah |
| Tutong | Pejabat Tanah Daerah Tutong |
| Belait | Pejabat Tanah Daerah Belait |
| Temburong | Pejabat Tanah Daerah Temburong |

1. Borang A Pemberi Pajakan: http://www.tanah.gov.bn/bm/SiteAssets/SitePages/Borang/Borang%20Permohonan%20Memajakkan%20Tanah%20A.pdf
2. Borang B Penerima Pajakan: http://www.tanah.gov.bn/bm/SiteAssets/SitePages/Borang/Borang%20Permohonan%20Memajakkan%20Tanah%20B.pdf
3. Borang Permohonan Mendapatkan Keterangan Tanah (*Land Search*): http://www.tanah.gov.bn/PublishingImages/SitePages/Forms/Borang%20Permohonan%20Mendapatkan%20Keterangan%20Tanah.pdf
4. Borang Sekatan: http://www.tanah.gov.bn/bm/SiteAssets/SitePages/Borang/Borang%20Sekatan.pdf

**Nota**: Sila pastikan borang yang dicetak adalah berwarna.

# PERMOHONAN MEMAJAKKAN TANAH PERSENDIRIAN

## DOKUMEN – DOKUMEN YANG PERLU DISERTAKAN

| BIL | DOKUMEN |
|---|---|
| 1 | **Borang A bagi setiap pemberi pajakan –** 2 set (1 asal dan 1 salinan) |
| 2 | **Borang B bagi setiap penerima pajakan –** 2 set (1 asal dan 1 salinan) |
| 3 | **Kad Pengenalan (Kad Pintar) pemberi pajakan yang belum luput tarikh mansuhnya –** 2 salinan<br>• Tuan Tanah (Jika permohonan untuk pajakan utama)<br>• Pemegang pajakan utama (Jika permohonan untuk pajakan kecil) |
| 4 | **Kad Pengenalan (Kad Pintar) isteri / suami pemberi pajakan yang belum luput tarikh mansuhnya –** 2 salinan |
| 5 | **Kad Pengenalan (Kad Pintar) / Paspot penerima pajakan yang belum luput tarikh mansuhnya –** 2 salinan |
| 6 | **Kad Pengenalan (Kad Pintar) isteri / suami penerima pajakan yang belum luput tarikh mansuhnya –** 2 salinan |
| 7 | **Geran Tanah –** 2 salinan<br><br>**Perhatian:** Sila pastikan nama pemilik tanah dalam geran tanah adalah sama seperti yang tertera di dalam kad pengenalan. Jika terdapat perbezaan, sila hadapkan dokumen pengakuan (*Statutory Declaration*) dari Mahkamah untuk dihadapkan ke Bahagian Pendaftaran / Cawangan Pejabat Tanah Daerah (mengikut letak tanah) bagi pembetulan / penyelarasan |
| 8 | **Resit Pembayaran Cukai Tahunan terkini bagi kesemua tanah-tanah yang dimiliki pemohon dan isteri / suami -** 2 salinan |
| 9 | **Perjanjian Pajakan Utama / Pajakan Kecil (*Lease / Sub-lease Agreement*) –** 2 salinan |
| 10 | **Perjanjian Pajakan Jual Beli (*Sales and Purchase Agreement*)** (jika berkenaan) **–** 2 salinan |
| 11 | **Perjanjian Kemajuan Pembangunan (*Development Agreement*)** (jika berkenaan) **–** 2 salinan |
| 12 | **Surat Kebenaran Menduduki Bangunan (*Occupation Permit)*** – 2 Salinan |

# PERMOHONAN MEMAJAKKAN TANAH PERSENDIRIAN

## DOKUMEN – DOKUMEN YANG PERLU DISERTAKAN

| BIL | DOKUMEN |
|---|---|
| 13 | **Cetakan Komputer 'Senarai Tanah-Tanah Yang Dimiliki' (CPO) pemberi pajakan dan isteri / suami pemberi pajakan** (diperolehi dari Bahagian Pendaftaran, Jabatan Tanah atau cawangan Pejabat Tanah Daerah Tutong, Belait atau Temburong) – 3 set (1 asal dan 2 salinan)<br><br>**Nota:**<br><br>Bagi mendapatkan Cetakan Komputer 'Senarai Tanah-Tanah Yang Dimiliki', pemohon dan pasangan hendaklah mengisikan Borang Permohonan Mendapatkan Keterangan Tanah (Land Search) untuk dihadapkan ke Bahagian Pendaftaran, Aras Bawah (bagi Daerah Brunei dan Muara) dan Pejabat Tanah Daerah masing-masing (bagi Daerah Tutong, Belait dan Temburong) |
| 14 | **Cetakan Komputer 'Senarai Tanah-Tanah Yang Dimiliki' (CPO) penerima pajakan dan isteri / suami penerima pajakan** (diperolehi dari Bahagian Pendaftaran, Jabatan Tanah atau cawangan Pejabat Tanah Daerah Tutong, Belait atau Temburong) – 3 set (1 asal dan 2 salinan) |
| 15 | **Borang Sekatan** yang telah ditandatangani di Mahkamah (Jika pemberi pajakan tidak ada memiliki tanah lain selain daripada yang dipohonkan untuk dipajakkan) – 2 set (1 asal 1 salinan)<br><br>• Tuan Tanah (Jika permohonan untuk pajakan utama) |
| 16 | Bagi Pajakan Syarikat:<br><br>1. **Sijil Pendaftaran Syarikat Sec. 16/17 (bagi syarikat persendirian) –** 1 salinan<br>2. **Sijil Penubuhan Syarikat Persendirian –** 1 salinan<br>3. **Kad Pengenalan (Kad Pintar) pemegang-pemegang syarikat yang belum luput tarikh mansuhnya –** 1 salinan seorang<br><br>ATAU<br><br>1. **Borang X (bagi Sendirian Berhad) –** 1 salinan<br>2. **Sijil Penubuhan Sendirian Berhad –** 1 salinan<br>3. **Kad Pengenalan (Kad Pintar) pemegang-pemegang syarikat yang belum luput tarikh mansuhnya –** 1 salinan seorang |
| 17 | Jika berkenaan sahaja:<br><br>• **Perintah Mahkamah / Court Order (Bagi Pemecahan / Orang Kurang Upaya / Pentadbir / Di bawah jagaan)**<br><br>• **Surat Perlepasan (Clearance Letter) yang dikeluarkan oleh Pejabat Pegawai Penerima Resmi, Mahkamah Tinggi, Mahkamah Besar bagi mana-mana pemilik tanah yang dikenakan kebankrapan dan lain-lain.** |
| **PERHATIAN: Sila pastikan dokumen-dokumen yang disertakan adalah terkini dan lengkap.**<br><br>**Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diterima oleh Pihak Jabatan Tanah.** | |

# PERMOHONAN MEMAJAKKAN TANAH PERSENDIRIAN

## TATACARA PERMOHONAN

**1**

Mendapatkan borang permohonan samada secara pembelian di kaunter pembayaran Cawangan Pejabat Tanah Daerah atau dimuat turun secara percuma di laman sesawang Jabatan Tanah

**2**

Menghadapkan borang permohonan mendapatkan keterangan tanah (*Land Search*) bagi mendapatkan Cetakan Komputer 'Senarai Tanah-Tanah Yang Dimiliki' (CPO) pemohon dan pasangan.

Borang boleh dihadapkan ke:

- Daerah Brunei dan Muara – Bahagian Pendaftaran, Aras Bawah, Jabatan Tanah
- Daerah Tutong – Pejabat Tanah Daerah Tutong
- Daerah Belait – Pejabat Tanah Daerah Belait
- Daerah Temburong – Pejabat Tanah Daerah Temburong

**3**

Menyediakan dokumen – dokumen yang diperlukan dengan lengkap

**4**

Menghantar borang dan dokumen – dokumen yang lengkap ke Bahagian Permohonan dan Penggunaan Tanah, Tingkat 3, Jabatan Tanah (bagi Daerah Brunei dan Muara) atau ke cawangan Pejabat Tanah Daerah mengikut letak tanah berkenaan

## PERMOHONAN MEMAJAKKAN TANAH PERSENDIRIAN

### TEMPAT MENGHADAPKAN BORANG PERMOHONAN YANG LENGKAP

#### PERMOHONAN DIHANTAR MENGIKUT LETAK TANAH

**Daerah Brunei dan Muara**
Bahagian Permohonan dan Penggunaan Tanah, Tingkat 3, Jabatan Tanah
https://www.google.com/maps/place/Land+Department/@4.925553,114.928171,521m/data=!3m1!1e3!4m5!3m4!1s0x0:0xcb340e93130e8bf7!8m2!3d4.9255534!4d114.9281713?hl=en

**Daerah Tutong**
Pejabat Tanah Daerah Tutong
https://www.google.com/maps/@4.807004,114.657951,521m/data=!3m1!1e3?hl=en



**Daerah Temburong**
Pejabat Tanah Daerah Temburong
https://www.google.com/maps/place/Bangar/@4.7094455,115.0739496,524m/data=!3m1!1e3!4m5!3m4!1s0x3222853cd410242b:0x4be44ab34589e250!8m2!3d4.7127123!4d115.0762536

**Daerah Belait**
Pejabat Tanah Daerah Belait
https://www.google.com/maps/@4.586724,114.191396,261m/data=!3m1!1e3?hl=en

# PERMOHONAN MEMAJAKKAN TANAH PERSENDIRIAN

## SOALAN – SOALAN LAZIM

**Soalan:**

Adakah cukai tanah-tanah perlu dijelaskan sebelum membuat permohonan?

**Jawapan:**

Ya, cukai tanah-tanah perlu dijelaskan dan dibayar sebelum membuat mana-mana permohonan di Jabatan Tanah

**Soalan:**

Berapa lamakah tanah boleh dipajakkan?

**Jawapan:**

Tanah boleh dipajak sekurang-kurangnya 7 tahun dan tidak boleh melebihi 60 tahun

**Soalan:**

Bolehkah tanah dipajakkan kepada syarikat?

**Jawapan:**

Ya, tanah boleh dipajakkan kepada Syarikat dengan syarat Syarikat tersebut hendaklah Syarikat yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam

**Soalan:**

Bolehkah tanah dipajakkan kepada pemegang Kad Pengenalan (Kad Pintar) berwarna Hijau?

**Jawapan:**

Ya, pajakan adalah dibolehkan kepada pemegang Kad Pengenalan (Kad Pintar) berwarna Hijau